

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 75

TUAN TEH KOK LIM [TAIPING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan dan "roadmap" untuk menambah baik perkhidmatan kesihatan di Hospital Taiping dan klinik-klinik kesihatan di daerah Larut Matang dan Selama.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Hospital Taiping telah melalui beberapa fasa pembangunan bermula dengan RMK-10 dengan pembinaan *Clinical Service Block* (dengan izin) yang merangkumi pembinaan Dewan Bedah, Unit Rawatan Jantung (CCU), Unit Rawatan Rapi (ICU), dan *Special Care Nursery* (dengan izin). Projek ini telah siap dan mula beroperasi pada tahun 2014 dengan menelan belanja sebanyak RM 207,820,193.00.

Seterusnya, Projek Naiktaraf Blok A & B di bawah RMK-11 yang meliputi Wad Lelaki dan Wanita, Wad Geriatrik, Wad Pediatrik, Wad HDU, ICU dan Farmasi Satelit telah dilaksanakan di bawah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan KKM dengan kos melebihi RM22 juta. Projek tersebut telah bermula pada tahun 2016 dan dijangka siap pada penghujung tahun ini.

Perancangan jangka panjang KKM yang seterusnya bagi Hospital Taiping adalah untuk membina Stor Farmasi Logistik beserta

komponen *Cytotoxic Drug Reconstitution* (dengan izin) dan *Total Parenteral Nutrition* (dengan izin), yang akan dipohon di bawah RMK 12. Selain itu, bagi klinik kesihatan di daerah Larut Matang dan Selama, cadangan untuk membina blok tambahan di Klinik Kesihatan Batu Kurau juga akan dipohon di bawah RMK-12.

Yang di-Pertua,

Hospital Taiping merupakan Hospital Pakar Major dan mengikut perancangan dalam RMK-11, perkhidmatan kepakaran endokrin, gastroenterologi, dermatologi dan hematologi dirancang untuk diperkembangkan di hospital tersebut menjelang tahun 2020. Perkembangan perkhidmatan kepakaran bagi Hospital Taiping akan dilaksanakan secara berperingkat dengan mengambilkira keperluan dan bilangan pakar perubatan yang sedia ada yang mencukupi bagi penyediaan perkhidmatan kepakaran tersebut.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah melaksanakan inisiatif Hospital Kluster bagi menambahbaik perkhidmatan kesihatan di Hospital Taiping Hospital dan daerah Larut Matang dan Selama. Inisiatif ini dilaksanakan dengan menggabungkan hospital-hospital KKM di kawasan geografi yang sama dengan sekurang-kurangnya satu Hospital Berpakar bagi membentuk Hospital Kluster.

Sehubungan itu, hospital-hospital di Zon Utara negeri Perak telah mula melaksanakan inisiatif Hospital Kluster melalui pembentukan Hospital Kluster Perak Utara pada tahun 2017. Hospital Taiping merupakan Lead Hospital bagi Hospital Kluster Perak Utara, manakala Hospital Selama, Hospital Parit Buntar, Hospital Kuala Kangsar dan Hospital Gerik merupakan hospital Non Lead. Melalui pelaksanaan inisiatif Hospital Kluster perkhidmatan kesihatan yang lebih efisien, cekap dan berkualiti dapat dilaksanakan terutama di hospital-hospital tanpa pakar. Sumber-sumber seperti sumber manusia, kepakaran, fasiliti, peralatan, kewangan dan lain-lain dapat dikongsi dan dioptimumkan penggunaannya di semua hospital yang terlibat di dalam Hospital Kluster Perak Utara. Sekian, terima kasih.